



# BINA PURI HOLDINGS BHD

Since 1975

---

## PRESS RELEASE

BERNAMA, 03 September 2009

### **Bina Puri Dapat Projek Bernilai RM36.6 Juta Di Kota Kinabalu**

KUALA LUMPUR, 3 Sept(Bernama) -- Bina Puri Construction Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Bina Puri Holdings Bhd, diberikan projek substruktur bernilai RM36.6 juta di Kota Kinabalu, Sabah.

Projek daripada Sunsea Development Sdn Bhd itu untuk pembinaan dan penyiapan kerja-kerja tanah, kerja cerucuk, asas basemen dan dinding penahan basemen bagi cadangan pembangunan komersil di Kota Kinabalu, Sabah.

Kerja-kerja substruktur berkenaan merupakan sebahagian daripada pembangunan dan pembinaan Kota Kinabalu City Waterfront (KKCW) yang dijangka siap dalam masa sembilan bulan, demikian menurut syarikat pemegangan berkenaan dalam kenyataan Khamis.

KKCW yang kerja awalnya bermula pada Februari, merupakan pembangunan komersil bercampur, terdiri daripada pusat membeli belah empat tingkat, suite kediaman dan hotel antarabangsa lima bintang, semuanya dibina di tanah seluas 1.248 hektar yang menghadap laut.

Projek itu adalah usaha sama antara DBKK Holdings Sdn Bhd dan Sunsea Development Sdn Bhd, anak syarikat Waterfront Urban Development Sdn Bhd, kata kenyataan itu.

Dengan kontrak berkenaan, nilai kontrak dalam tangan kumpulan Bina Puri Group kini berjumlah RM2.32 bilion, setelah berjaya mendapat projek baru berjumlah RM1.15 bilion sehingga kini pada 2009.

Ia akan terus membida projek baru termasuk dalam dan luar negara, dan yakin memperoleh projek baru sebelum akhir tahun.

Sementara itu, projek Bina Puri Construction yang sedang berjalan di Sabah, termasuk pembinaan dan penyiapan Dewan Kuliah Pusat Kedua dan Pusat Pasca Siswazah untuk Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu, Sabah serta pembangunan perumahan di Sayang Buang, Papar.

Ia menyiapkan projek bernilai kira-kira RM1.5 bilion di Sabah yang termasuk jalan tepi pantai Kota Kinabalu Sulaman sepanjang 38 kilometer, Institut Latihan Perindustrian Sabah, Wisma PERKESO, jalan dari Jalan Sipitang ke Tenom dan Jesselton Condominium.

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor  
Corp Communications Dept  
**BINA PURI HOLDINGS BHD**  
Tel : 03-6136 3333 (3005)  
Fax : 03-6136 9999  
E-mail : [surati@binapuri.com.my](mailto:surati@binapuri.com.my)